MALAYSIA

UTUSAN

MINDA RAKYAT



16 Jan 2025

Ada sesuatu yang keluar dari tengah empangan itu bersama hujan lebat

Saya suka memancing. Cuma agak pelik, saya tidak pernah memancing semasa bekerja di Port Dickson, Negeri Sembilan. Saya lebih suka melihat alunan ombak laut yang biru menyapa pantai. Hanya setelah saya berpindah ke Seremban, barulah minat memancing hadir.

Minat memancing ini memang tidak mengira masa dan tempat. Jika hari bekerja, saya akan memancing setelah waktu kerja hingga tengah malam. Jika hari Sabtu dan Ahad, saya akan keluar memancing selepas solat Subuh. Seperti biasa, saya hanya balik setelah tengah malam menjengah. Begitulah rutin saya selama beberapa tahun.

Suatu hari, saya bersama abang Rosli, abang Shahar dan, Rosmi sepakat untuk pergi memancing di sebuah empangan. Ketika itu belum ada larangan memancing di situ. Kami berkumpul di rumah abang Rosli selepas waktu Maghrib.

Kami memang memilih hari Jumaat malam Sabtu kerana esok hari cuti. Harapan kami tinggi untuk mendapat ikan, maklumlah selama ini kami hanya mendengar cerita orang lain yang berjaya menangkap ikan di situ.

Kami tiba di pintu masuk empangan hampir pukul 9:00 malam. Setelah meletakkan kereta di tepi jalan, kami terus berjalan menyusuri pagar kawasan empangan, jauh juga kami berjalan, kaki mula terasa penat, berjalan melalui denai di malam hari memang terasa cabarannya, tambahan pula, jarak penglihatan agak terhad. Nasib baik kami berempat, kuranglah rasa gerun.

Akhirnya sampailah kami di empangan. Kami memancing agak berhampiran di antara satu sama lain. Mungkin belum biasa memancing di situ, lainlah kalau memancing di siang hari.

Seperti biasa saya tidak akan terus memancing. Sudah menjadi kebiasaan pada saya akan membacakan beberapa ayat *al-Qurán* terlebih dahulu, maklumlah kami berada di tempat baru dan memancing di waktu malam.

Alhamdulillah, saya tidak didatangi sebarang tanda atau alamat yang tidak baik. Sebenarnya saya turut mendengar beberapa cerita yang tidak menyenangkan daripada kawan-kawan mengenai pengalaman memancing di situ.

Di antara cerita yang masih saya ingati adalah kemalangan yang menimpa satu kumpulan pemancing yang menaiki bot kecil. Keempat-empat sahabat tersebut telah menaiki bot menuju ke arah salah satu lubuk yang telah dikenal pasti namun, ketika berada di tengah empangan, mereka

berasa terkejut kerana mereka bukan lagi berempat tetapi berlima. Siapa orang yang kelima itu?

Dalam keadaan yang kelam-kabut mereka telah terjun dari bot dan cuba berenang ke arah tebing. Namun, salah seorang daripada mereka gagal sampai ke tebing lalu lemas.

Ini merupakan salah satu sebab mengapa saya lebih suka memancing secara menebing iaitu, memancing dari atas tebing.

Ketika masing-masing melayani perasaan, tiba-tiba terdengar teriakan kecil daripada Rosmi, menandakan beliau sudah berjaya mendapat seekor ikan.

“Wah! Ikan haruan rupanya. Betul larr tangan hanyir!”

Di antara kawan berhobikan memancing, Rosmi dan Hafiz memang dikenali sebagai tangan hanyir yakni, mudah mendapat ikan.

Ini dah kira satu permulaan yang baik. Saya sudah mula menaruh harapan untuk mendapat ikan namun, kami berasa agak hampa kerana belum sampai setengah jam, hujan sudah mula turun rintik-rintik.

Walau bagaimanåpun, kami masih teruskan memancing. Setakat hujan rintik, kami tidak akan berganjak namun, semakin lama hujan semakin berjurai mencurah dan lebat.

“Jomlah kita balik. Hujan makin lebat ni.” abang Rosli sudah mula bersuara.

“Sabar bang. Kejap je ni. Lepas ni redalah.” sahut saya yang masih berharap hujan akan segera berhenti.

Entah mengapå saya berasakan hujan kali ini agak aneh, lain dari kebiasaan. Hujan seolah-olah datang dari arah tengah empangan. Nasib baik kami berempat, walaupun berasa seram tetapi, kami gagahkan mental juga untuk bertahan buat sementara waktu.

Tanpa berlengah saya terus beristighfar sebanyak yang boleh. Setelah berasa tenang, saya terus berzikir di dalam hati tanpa putus. Hujan terus turun dengan lebatnya.

Saya terus merenung ke tengah empangan. Jarak penglihatan semakin terhad namun, ada sesuatu yang memutih keluar dari tengah

empangan seolah-olah bergerak bersama-sama hujan lebat. Apakah cahaya putih itu?

Cahaya putih itu membentuk seperti sesuatu lembaga yang besar. Ya ALLAH, cahaya apakah ini? Adakah itu puaka empangan seperti dihebohkan orang?

Semakin galak saya membaca ayat-ayat *al-Qurán*, semakin lebat hujan yang menimpa kami. Ketika itu juga cahaya putih itu menghilang entah ke mana?

Mungkin bukan rezeki kami pada malam itu.

Pelik rasanya kerana cuaca baik ketika berada di rumah abang Rosli. Apabila sampai di empangan, cuaca bertukar secara tiba-tiba. Apå pun kami mesti terima apå jua keadaan. Sebelum keadaan menjadi tidak terkawal, lebih baik kami meninggalkan kawasan empangan.

Dalam keadaan hujan lebat dan baju yang basah kuyup, kami bergerak pulang perlahan-lahan. Jika masa sampai tadi jalan kering, kini

hujan telah membasahi bumi. Jalan mula berlopak-lopak menyebabkan pergerakan kami semakin perlahan.

Akhirnya sampai juga kami ke pintu masuk empangan. Dalam keadaan basah kuyup, kami terus menaiki kereta dan pulang ke rumah. Nasib baik kami semuanya selamat daripada gangguan puaka di empangan. Walaupun hasilnya menghampakan namun, saya bersyukur kerana kami tidak ditimpa sebarang masalah. – *Mastika % UtusanTV*

Wan Mud Shardihan Wan Dahalan (wartawan)